

PM ketua delegasi sidang puncak G77 di Havana

UM - 8 APR 2000

KUALA LLJMPUR 7 April
— Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir' Mohamad akan mengetuai delegasi negara ke Sidang Kemuncak Kumpulan Negara Membangun (G77) dan China di Havana, Cuba dari 12 hingga 17 April ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, sidang kemuncak itu akan menangani isu-isu globalisasi, hubungan Utara-Selatan, Kerjasama Selatan-Selatan, Pengetahuan dan Teknologi.

Katanya Perdana Menteri dijangka membawa isu pensejagatan dan teknologi sebagai agenda pada sidang kemuncak tersebut.

Menurutnya, sidang kemuncak itu juga merupakan peluang untuk Malaysia menyatakan pendiriannya berhubung beberapa perkara seperti isu antarabangsa terutamanya yang berkaitan dengan penstrukturan semula kewangan antarabangsa dan liberalisasi perdagangan.

Sidang kemuncak yang julung-julung kali diadakan itu akan didahului oleh mesyuarat pegawai kanan pada 10 April diikuti oleh mesyuarat Menteri 'Luar pada hari berikut, kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Beliau menambah, Malaysia berharap dapat membentuk kerjasama yang lebih erat terutamanya dalam dialog dengan negara maju.

"Bagi negara membangun pensejagatan memang tidak dapat dielakkan, tetapi persoalannya bagaimana kita menghadapinya dalam order baru dunia.

"Sidang ini sebenarnya akan memberi tumpuan kepada ilmu dan teknologi dan sebagai persediaan sebelum Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-55 (UNGA) dan Sidang Kemuncak Alaf pada September," katanya.

Beliau memberitahu, sidang kemuncak tersebut dijangka memutuskan satu deklarasasi dan rancangan tindakan bersama.

"Buat kali pertama mesyuarat yang dihadiri 133 negara ini juga melibatkan China kerana kedudukannya sebagai sebuah negara besar.

"Dunia selepas era Perang Dingin memerlukan multipola yang membolehkan semua negara bekerjasama untuk menjadikan negara lebih saksama kerana jika tidak kita akan menyaksikan negara-negara membangun cuma menerima keburukan," jelas Menteri Luar berkenaan.